

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)35

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN AIR ITAM
YB JOSEPH NG SOON SIANG**

35. Bekalkan rekod serta usaha untuk menarik lebih banyak konvensyen serta pameran untuk diadakan di Pulau Pinang?
- (a) Apakah impak dan pulangan yang dibawa terhadap ekonomi negeri Pulau Pinang?

**YB WONG HON WAI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

35. Kerajaan Negeri melalui agensinya, *Penang Convention and Exhibition Bureau* (PICEB) telah memperkenalkan Pulau Pinang dan pemain industri dengan mengadakan acara perdagangan di Pulau Pinang seperti *Penang International Travel Exchange* (PITE). PICEB membawa *buyers* yang terdiri daripada penganjur, syarikat-syarikat pembekal dan *Destination Management Company* (DMC) daripada seluruh dunia untuk mengadakan sesi *business to business* (B2B) bersama rakan-rakan industri di Pulau Pinang.

PICEB bersama pemain industri serta gabungan *Malaysia Convention & Exhibition Bureau* (MYCEB) membida untuk menganjurkan *congress* peringkat antarabangsa di Pulau Pinang.

- (a) Pulangan kepada ekonomi negeri Pulau Pinang adalah dari segi *Expected Economy Impact* (EEI). EEI ini merupakan pengiraan impak ekonomi secara keseluruhan, bukan sahaja kepada Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan, tetapi impak langsung kepada industri dan sub sektor berkaitan penganjuran sesuatu acara itu. Angka-angka EEI adalah anggaran kesan kepada keseluruhan ekonomi setempat. Menurut *The Business Events Penang 2023 Annual Review*, pengiraan EEI berjumlah RM1,033,856,600 adalah anggaran kesan ekonomi kepada penganjuran 604 acara perniagaan sepanjang 2023 di Pulau Pinang. Daripada itu, PCEB telah menyokong 66 acara dengan kehadiran 73,843 orang delegasi yang membawa EEI sebanyak RM601 juta, iaitu 53.07% EEI daripada jumlah EEI 2023.